

18 JAN 2001

Mahathir-Globalisasi

GLOBALISASI SECARA BERANSUR-ANSUR LEBIH ADIL, KATA DR MAHATHIR

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bagi membolehkan globalisasi menjadi adil dan kurang menimbulkan gangguan, prosesnya perlu secara beransur-ansur dan negara-negara yang lebih lemah patut diberikan konsesi.

Perdana Menteri berkata apa yang perlu ditimbang ialah tahap pembangunan setiap negara kerana negara-negara miskin tentunya sukar untuk bersaing pada tahap yang sama dengan negara-negara maju.

"Berikan mereka handikap, sama seperti dalam golf bagi mengimbangkan daya saing dan kekuatan," katanya semasa bercakap sebagai anggota panel perbincangan di Simposium Antarabangsa Mainichi di sini.

Dr Mahathir, yang sebelum itu menyampaikan ucapan pada simposium itu berkata, proses globalisasi pada masa sekarang tidak memberi manfaat kepada negara-negara yang lemah kerana syarikat-syarikat besar sedang bergabung menjadi organisasi gergasi.

"Mereka bercakap mengenai kesamarataan...syarikat-syarikat berkuasa mereka boleh menyertainya tetapi syarikat-syarikat kecil seperti yang terdapat di Malaysia tidak mempunyai peluang untuk pergi ke negara-negara kaya. Walaupun syaratnya sama, hasil penyudahnya adalah berbeza," katanya.

"Misalnya, jika Citibank mahu bersaing dengan bank-bank tempatan, mereka boleh buat tawaran lebih rendah kerana mereka juga mengaut keuntungan di tempat lain tetapi bank-bank tempatan terpaksa tutup jika mereka rugi," katanya.

Anggota panel lain ialah Menteri Luar Thailand Surin Pitsuwan, Duta Korea Selatan Choi Sang Yong, bekas ketua pengarah Agensi Perancang Ekonomi Jepun Taichi Sakaiya dan presiden NTT West Japan Kazuo Asada.

Dr Mahathir berkata proses globalisasi pada masa sekarang boleh membawa kepada oligopoli dan di setiap industri, terdapat jumlah pemain yang terhad.

Beliau juga berkata bahawa demokrasi tidak patut hanya dihadkan kepada negara-negara tetapi juga badan-badan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia dan yang lain yang dikuasai sepenuhnya oleh beberapa negara.

"Mereka tidak berfikir untuk berkongsi kuasa dengan orang yang lebih lemah daripada mereka. Mereka patut memasukkan wakil dari negara-negara lebih lemah," katanya.

Surin berkata krisis ekonomi 1997 telah memaksa negara-negara anggota Asean saling bekerjasama dalam proses serantau yang membawa kepada Sidang Kemuncak Asia Timur diadakan.

"Kami sedang merangka alat serantau itu bagi membolehkannya berdepan dengan globalisasi. Kalau kita tidak bersatu, kita tidak dapat bersaing secara global," katanya.

Semasa mesyuarat Asean bersama Jepun, China dan Korea Selatan di Singapura tahun lepas, para pemimpin mengumumkan kemungkinan untuk menukar mesyuarat tahunan mereka menjadi sidang kemuncak Asia Timur dan menubuhkan zon perdagangan bebas Asia Timur.

Dengan menjadikan Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat sebagai contoh, Surin berkata mereka mempunyai konsep serantau mereka sendiri dan sebab itu mereka amat berkuasa.

"Kalau kita tidak bersatu, kita tidak akan mendapat manfaatnya, kita akan gagal. Kita akan dijadikan bahan untuk kesempatan padahal kita perlu mengambil kesempatan dalam proses globalisasi," katanya.

-- BERNAMA
AR NZ RHM MAI